



KENYATAAN AKHBAR

PERUBAHAN TARIKH DAN WAKTU MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN YANG KE-14

Adalah dengan ini saya telah diarah untuk memaklumkan bahawa Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-14 sepertimana yang telah ditetapkan pada 23 Mac 2020 hingga 26 Mac 2020 bersamaan 28 Rejab hingga 1 Syaaban 1441 H, diubah ke satu tarikh dan waktu baharu yang akan dimaklumkan kelak.

Penangguhan tersebut adalah berikutan perintah kawalan pergerakan yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 yang berkuat kuasa pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

Sekian dimaklumkan.

DATO` PADUKA AMMAR BIN DATO` SHAIKH MAHMOOD NAIM
Setiausaha Kerajaan Negeri
Kedah Darul Aman

19 Mac 2020